

# Penganggur miliki senjata berjadual secara tidak sah didenda RM500

**KUCHING:** Seorang penganggur lelaki didenda RM500 atau sebulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki beberapa senjata berjadual secara tidak sah.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Richard Lau Lik Chai, 31, dari Sibu, yang dituduh mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958. Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Jalan Setia Raja di Tabuan Jaya di sini kira-kira jam 1.25 pagi pada 17 September 2024.

Berdasarkan fakta kes, hasil maklumat risikan, sepasukan polis melakukan pemeriksaan menyeluruh di dalam rumah tersebut dengan disaksikan tertuduh.

Polis kemudiannya menjumpai senjata berjadual di dalam bilik stor bawah tangga di ruang tamu.

Antara lainnya adalah 29 unit parang panjang berukuran antara 43 hingga 58 sentimeter (cm), 16 unit guandao panjang 136cm, empat unit sabit panjang berukuran 100cm, dua unit pisau pemotong daging sepanjang 113cm dan dua unit kapak panjang 38cm.

Susulan itu, tertuduh ditangkap bersama barang-barang rampasan.

Terdahulu semasa rayuan pengurangan hukuman, peguam mewakili tertuduh iaitu Ralph Lee memaklumkan mahkamah bahawa senjata itu merupakan milik seorang lelaki lain yang kini gagal dikesan polis dan tertuduh hanya menyewa di rumah berkenaan.

Ralph juga menyatakan bahawa tertuduh tidak mengetahui bahawa senjata itu adalah salah di sisi undang-undang dan tertuduh juga hanya menggunakan beberapa guandao untuk upacara keagamaan.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim.